

Perubahan politik di Terengganu akan memihak kepada BN — Dr. M

UM 17 AUG 2002

KUALA TERENGGANU 16 Ogos — Perdana Menteri percaya arus perubahan yang melanda arena politik di Terengganu akan memihak kepada Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membayangkan keyakinan itu ekoran sambutan rakyat terhadap lawatannya hari ini di samping reaksi yang mereka tunjukkan.

Pada mailis Perhimpunan Baktyat Terengganu yang dihadapinya di Sekolah Menengah Kebangsaan Tun Telanai Marang pagi ini, sejurus tiba di sini semena lawatan sehari ke Terengganu, beliau disambut oleh puluhan ribu rakyat.

“Saya percaya ia sedang berlaku. Pada tahun 1999, kita tidak dapat lihat sokongan padu ini dalam bentuk perhimpunan sebegini dengan semangat dan reaksi yang ditunjukkan,” katanya pada sidang sidang akhbar selepas majlis itu.

Mengenai gejala fitnah yang menjadi para pemimpin Pas, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak bercadang menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi membendung gejala itu walaupun ia telah mehinmbulkan perpecahan ketara di kalangan umat Islam kini. Katanya,

tanpa rakyat mendapat penerangan yang jelas, tindakan seumpama itu hanya boleh menimbulkan tanggapan bahawa kerajaan bersikap tidak adil dan zalim.

“Kita mesti menjelaskan kepada rakyat terlebih dahulu. Kalau rakyat sudah faham, tentunya tindakan boleh diambil dengan mudah,” tegasnya.

Perhimpunan terbesar itu diadakan serentak dengan perasmian Konvensyen Barisan Nasional (BN) Terengganu. Ia merupakan perhimpunan terbesar pernah diadakan sejak Pas mengambil alih pemerintahan. Perdana Menteri menyampaikan ucapan hampir satu jam sebelum bertolak menghadiri jamuan makan tengah hari bersama pemimpin BN, pegawai kerajaan dan pemimpin masyarakat di Hotel Grand Continental.

Beliau kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Losong Haji Mat Shafie dan turut merasmikan Institut Latihan Ummah yang ditubuhkan di masjid itu.

Beliau seterusnya merasmikan majlis penyerahan kunci dan surat tawaran projek rumah keluarga nelayan melalui pembiayaan Program Penyaluran Wang Ehsan di Kampung Tok Jembal, Seberang Takir.